

08/04/2000

Mahathir ketuai delegasi ke mesyuarat G77 di Cuba

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Negara Kumpulan 77 (G77) di Cuba bermula 12 hingga 14 April ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang menyertai delegasi itu berkata, Perdana Menteri turut diiringi isterinya, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya, Mesyuarat G77 akan didahului dengan Mesyuarat Pegawai Kanan pada 10 April, diikuti Mesyuarat Menteri Luar pada hari berikutnya, yang akan membincangkan pelbagai isu sejagat.

"Presiden Cuba, Fidel Castro, mengalu-alukan kehadiran Dr Mahathir kerana Perdana Menteri lantang mempertahankan kepentingan dan hak negara membangundan negara dunia ketiga.

"Antara lain, Mesyuarat G77 kali ini akan membincangkan kesan serta pengaruh globalisasi dan amalan perdagangan bebas terhadap negara kumpulan G77," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Putra hari ini.

Pada masa yang sama, perbincangan mengenai hubungan Utara-Selatan serta kerjasama Selatan-Selatan dan perkembangan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-Ekonomi) dan teknologi maklumat (IT) turut diadakan.

Semua faktor terbabit juga akan dimanfaatkan dalam mesyuarat penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa selaras perkembangan ekonomi dan perdagangan semasa dunia.

Syed Hamid berkata, globalisasi dan perdagangan bebas memang tidak bolehdisekat, tetapi negara dunia ketiga dan negara membangun perlu menggembleng tenaga supaya tidak ketinggalan atau ditindas negara maju.

Kewibawaan Dr Mahathir mempertahankan hak negara dunia ketiga dan negara membangun menjadikan beliau wakil penting G77 bagi menjamin globalisasi dan perdagangan bebas tidak memudaratkan anggotanya.

Beliau berkata, G77 juga akan menjadi forum persediaan bagi membolehkan negara anggota memainkan peranan yang lebih bermakna dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, September ini.

Mesyuarat kumpulan G77 atau Sumit Selatan itu akan mengumpulkan ketua kerajaan serta pemimpin daripada 133 negara membangun serta China.

Mengenai penyertaan China, Syed Hamid berkata China ialah sebuah negara yang besar dan kepentingannya tidak boleh diketepikan.

(END)